

FRIDAY'S PIT STOP
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

PENGENALAN

Friday's Pit Stop telah diusulkan oleh Pegawai MITI semasa program TEDx – *Barefoot Leadership Circle (BLC)* diadakan pada tahun 2016. Ia merupakan salah satu inisiatif pembelajaran secara berterusan kepada warga MITI menerusi sesi perkongsian ilmu. Program ini dilaksanakan pada setiap selang hari Jumaat selama 2 jam. Topik-topik yang dibincangkan adalah berbeza dan tidak terhad kepada skop industri dan perdagangan.

TUJUAN

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan MITI dan agensi untuk menimba ilmu serta menambah pengetahuan daripada penceramah luar mahupun pegawai MITI sendiri.

PROSES PELAKSANAAN

Program dilaksanakan secara *in-house* oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan tidak melibatkan mana-mana agensi luar. Walau bagaimanapun, hanya penceramah sahaja yang melibatkan pihak luar (bergantung kepada topik perbincangan).

ELEMEN PENURUNAN KUASA

Program ini telah dijadikan sebagai mandatori untuk dilaksanakan 2 kali sebulan oleh KSU menerusi program TEDx yang diadakan pada 2016.

IMPLIKASI KEWANGAN

Tiada implikasi kewangan yang terlibat.

IMPAK INOVASI

Program ini lebih bersifat santai di mana topik yang dibentangkan adalah meliputi isu-isu semasa serta memberi peluang kepada pegawai MITI yang

telah menghadiri kursus di luar negara untuk berkongsi pengalaman serta idea yang diperolehi sepanjang menghadiri kursus tersebut.